<p><a href="http://www.1kedai.com/kedai/index.php?option=com_content&view=category&layout=blog&id=14&Itemid=5" mce_href="index.php?option=com_content&view=category&layout=blog&id=14&Itemid=5"><img alt="Printhauz Banner" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Printing/print%20biz2015.gif" mce_src="images/Printing/print%20biz2015.gif" height="150" width="500"></a><br mce_bogus="1"></p><hr><p></p><p><img alt="Istidraj" src="images/Artikel/jutawan.jpg" mce_src="images/Artikel/jutawan.jpg" height="246" width="500"><br /></p><p><b>Kenapa Orang Tidak Solat Boleh Berjaya ?</b><br /><br />Seperti yang kita tahu, ilmu itu merupakan cahaya, dan ianya tidak akan memasuki hati-hati yang gelap. tetapi kita lihat, kawan kita yang berjudi, yang minum arak, boleh berjaya pula, sedangkan kita terkial-kial walaupun sudah berusaha.<br /><br />Kita tahu bahawa, siapa yang berbuat baik, taat kepada ALLAH akan dipermudahkan jalan kehidupannya, tetapi kita lihat, kawan kita ini tidak solat, tetapi bisnesnya menjadi, kita pula hidup dengan penuh cabaran dan dugaan. Kita juga tahu bahawa, ISLAM ini agama yang benar, tetapi kita sering melihat orang-orang yang bukan ISLAM itu lebih berjaya, dan ummat ISLAM tertindas dalam kehidupan sempit lagi derita.<br /><br />Orang bertanya kepada saya. Kenapa begitu? Sekarang ini, yang manakah benar? Adakah kita faham selama ini tidak benar?<br /><br />Maka saya hendak bertanya kepada anda.<br /><br /><b>Adakah anda tahu apa itu istidraj ?</b><br /><br />Istidraj ini adalah satu kalimah, yang sering menunjuk kepada keadaan seseorang itu yang terus dilimpahkan rezeki dan kejayaan yang melimpah ruah dalam kehidupannya, walaupun dia bukan hamba ALLAH yang taat, malah seorang pembuat maksiat yang tegar. Kenapa mereka ini dinamakan manusia yang mendapat istidraj? Apakah maksud istidraj?<br /><br />Istidraj adalah, apabila ALLAH memberikan kejayaan, harta kekayaan, rezeki yang melimpah ruah untuk manusia itu menjadi lebih jauh dariNya.<br /><br />Biasanya, manusia yang mendapat istidraj ini adalah mereka yang tidak berusaha menjalankan ISLAM dalam kehidupan, juga tidak berusaha mengenali ALLAH SWT.<br /><br />Contoh manusia yang mendapat istidraj ini banyak. Saya bagi contoh yang paling mudah. Salah seorang darinya adalah Qarun. Apakah anda kenal kepada Qarun? Dia ini adalah seorang manusiayang teramat kaya. Diriwayatkan bahawa, kotak yang mengisi kunci kepada gedung-gedung perbendaharaannya tidak mampu diangkat oleh orang-orang yang kuat. Hal ini hendak menyatakan betapa kayanya dia.</p><p><img alt="Istidraj" src="images/Artikel/jutawan2.jpg" mce_src="images/Artikel/jutawan2.jpg" height="278" width="500"><br /></p> <p>Kisah Qarun terdapat di dalam Al-Quran. Hartanya melimpah ruah. Segala perniagaannya menjadi. Segala pelaburannya mengembang. Hartanya makin hari makin bertambah, sedang yang bertambah semalam tidak pula luak digunakan. Tetapi bila Nabi Musa cuba mengingatkannya berkenaan semua kekayaannya itu datang daripada ALLAH, maka Qarun dengan angkuh menjawab,<br /><br />� Tidak, semua ini adalah hasil dari ilmuku�<br /><br />Lihat. Lihat apa kata Qarun. Tidak, semua ini adalah hasil dari� ILMUKU. Dia nyata semakin jauh dari ALLAH, walaupun kekayaannya menjadi, rezekinya melimpah ruah dan sebagainya. Dia saban waktu memperlekehkan pengikut-pengikut nabi Musa yang terdiri dari orang miskin dan hamba.<br /><br />Apakah pengakhiran Qarun? Dia akhirnya ditenggelamkan ALLAH ke dalam bumi dengan seluruh hartanya. Kisah ini terdapat di dalam Al-Quran.<br /><br />Nah� Apakah itu yang kita mahu?<br /><br />Sebab itulah, saya hendak mengajak saudara-saudari berfikir, apakah yang akan timbul di dalam hati kalian apabila kalian ini jenis yang melazimi dosa-dosa, melakukan maksiat, kemudian kalian berjaya di dalam

peperiksaan atau perniagaan. Apakah yang agaknya akan timbul dalam jiwa kalian?<br /><br />Saya yakin, 99% akan merasa begini, � Tengok, aku tak solat pun berjaya. Siapa kata solat tu bawa kejayaan?�<br /><br />Apakah yang akan terjadi kepada anda ketika itu? Anda berjaya, tetapi anda langsung lupa bahawa yang memberi kejayaan adalah Allah SWT , dan ini buktinya ada semakin jauh dari ALLAH. Itulah istidraj.<br /><br />Maka jangan gusar bila tidak berjaya. Cuba lagi. Hubungan keimanan anda dengan ALLAH itulah yang pertama sekali perlu anda perhatikan. Jika anda berjaya membina hubungan keimanan yang baik, insyaALLAH, datanglah badai apa sekalipun, anda akan mampu melaluinya.<br /><br />Sebenarnya ALLAH suka menguji hamba-hambaNya yang beriman. Terdapat satu kisah yang saya suka baca ketika saya masih kecil.<br /><br />Terdapat dua orang nelayan. Seorang penyembah berhala, dan seorang lagi muslim yang taat kepada ALLAH. Ketika menebar jala, yang menyembah berhala menyebut nama berhalanya, manakala yang muslim membaca bismillah. Bila jala diangkat, yang menyembah berhala mendapat banyak ikan, manakala yang muslim, hampir sahaja tiada ikan untuknya pada hari itu.<br /><br />Malaikat yang melihat keadaan itu bertanya kepada ALLAH.<br /><br />� Ya ALLAH, apakah yang telah berlaku ? HambaMu yang menyekutukanMu, KAU berikan dia rezeki yang banyak, sedangkan hambaMu yang menyebut namaMu, KAU tidak memberikan DIA apa-apa� ALLAH menjawab,<br /><br />� Yang menyekutukanKu, tempatnya memang sudah pasti NERAKA. Maka apalah sangat rezeki yang pasti akan hancur itu jika Kuberikan kepadaNya? Tetapi HambaKu yang beriman itu, AKU hendak mengganjarkanNya syurga, maka AKU suka mengujinya untuk melihat kebenaran imanNya�<br /><br />Nah, jangan anda kecewa bila diuji, tidak berjaya di dalam peperiksaan walau sudah study ? gagal dalam perniagaan walau hebat menyusun strategi. Itu semua adalah sebahagian dari ujian ALLAH. ALLAH menguji hanya untuk mereka yang dikasihi. Bukankah ALLAH SWT ada berfirman,<br /><br />� Apakah kamu mengira KAMI akan membiarkan kamu berkata kami beriman sedangkan kamu belum diuji?��</p><p><img alt="Istidraj" src="images/Artikel/jutawan3.jpg" mce_src="images/Artikel/jutawan3.jpg" height="235" width="499"><br /><br />Jika gagal terhadap satu-satu perkara, itu perkara itu. Anda masih belum gagal dalam kehidupan. Teruskan usaha, selagi nyawa masih ada. InsyaALLAH ALLAH akan memberikan sesuatu yang bermakna kepada anda. Bersangka baiklah kita kepada PENCIPTA kita.<br /><br />Maka sebenarnya, bila hidup kita digegarkan dengan masalah, hendaklah kita rasa bersyukur. Tandanya, ALLAH masih lagi dekat dengan kita. Ujian adalah tanda kasih sayang dan perhatianNya kepada kita. Mustahil anda suka senang sebentar di dunia, di akhirat yang kekal abadi nanti anda merana. Anda mahukan istidraj?<br /><br />Saya yakin tidak..<br /><br />Anda tenang sekarang?<br /><br />Anda wajib untuk tidak berasa tenang jika anda berbuat dosa, dan anda berjaya. Sebab itulah, muhasabah diri itu penting. Untuk kita sentiasa periksa bagaimanakah hubungan kita dengan ALLAH SWT.<br /><br />Aku berdosa, tetapi aku berjaya�. Berhati-hatilah kita agar jangan sampai lafaz itu, atau lafaz-lafaz yang membawa maksud serupa itu terkeluar dari mulut kita.<br /><br />Mari kita sama-sama duduk, dan bermuhasabah semula. <br /></p><p><i><b>*Sumber</b>: dari dirihamba.blogspot.com</i></p><p><br /><a href="http://www.1kedai.com/kedai/index.php?option=com_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10" mce_href="index.php?option=com_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10"><img alt="Artikel bank" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Artikel/bannerartikel.gif" mce_src="images/Artikel/bannerartikel.gif" height="77" width="500"></a><br /></p><hr><p><u><b>Admin 1Kedai</b>:</u> Jika anda tidak keberatan, harap dapat

'FORWARD'kan ilmu yang bermanafaat ini sebagai satu lagi amalan   kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana:<br /> <b>" Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain "..</b> <i>Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu atas halaman ini: <img alt="Mohon klik ikon dibucu page ini" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/klik%20butang%20ni.gif" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/klik%20butang%20ni.gif" style="border-style: initial; border-color: initial; " mce_style="border-style: initial; border-color: initial; " height="38" width="313"></i></p><p><br /><i><a href="http://www.1kedai.com/kedai/index.php?option=com_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10" mce_href="index.php?option=com_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10"><img alt="Kembali ke koleksi utama artikel" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" height="300" width="493"></a></i></p><p><br /></p>